

Nemcar iilham dalam Kembara Puisi

4B 13/4/2011 B3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

MENGEMBARA sambil mencari ilham... berinspirasikan pemandangan alam yang indah, pasti menggigit pelbagai ilham untuk dihasilkan.

Berpandukan orientasi yang sama, pelajar tahun dua Program Penulisan Kreatif Sekolah Pengajian Seni (SPS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 10 April lepas mengadakan program Kembara Puisi di Simpang Mengayau, Kudat.

Bertemakan keindahan alam, para pelajar yang menyertai program itu perlu menghasilkan puisi dan pantun melalui aktiviti Santai-Santai Mencari Ilham.

Program sehari yang pertama kali dianjurkan itu melibatkan seramai 50 pelajar termasuk seorang pensyarah pengiring,



CARI ILHAM...Para pelajar Program Penulisan Kreatif SPS bergambar bersama berlatarbelakangkan pemandangan di Simpang Mengayau, Kudat.

Suhaimi Mohd Yasin.

Semua karya yang dihasilkan oleh para pelajar akan dibukukan dalam Antologi Puisi dan Pantun melalui penerbitan SPS.

Bagi Khaidil Hamzah yang turut serta dalam aktiviti itu, ia bukan sahaja memberi pendedahan

kepada pelajar tentang cara mendapatkan ilham, malah membuka peluang untuk menghayati keindahan pemandangan di Simpang Mengayau.

Menurutnya, dengan cara itu juga para pelajar dapat mencari ilham dari sudut yang berlainan dan mampu

menghasilkan karya yang lebih kreatif.

"Tidak semua pelajar dapat menghasilkan karya secara spontan pada waktu itu, ada juga yang memerlukan masa untuk mencipta puisi atau pantun," katanya ketika ditemui *Utusan Borneo*

kelmarin.

Khaidil berpendapat, terpulang kepada diri pelajar itu sendiri sama ada mampu untuk mencipta karya dalam tempoh masa yang cepat atau perlahan.

Namun, jelasnya, mereka hanya diberikan masa selama seminggu untuk menyiapkan kedua-dua karya berkenaan.

Khaidil menjelaskan, antara waktu yang sesuai baginya untuk mencari ilham ketika subuh yang mana waktu itu pelbagai ilham datang dengan mudah.

"Ia bukan sahaja kerana waktu itu yang agak sunyi dan tenang, bunyi-bunyian alam juga boleh menjadi sumber inspirasi," katanya.

Beliau turut berharap agar program seumpama itu akan dapat diperluaskan lagi bukan sahaja kepada pelajar yang mengambil kursus penulisan kreatif, malah kepada mereka yang mempunyai minat dalam bidang penulisan.